

PEMBELAJARAN ILMU TAJWID MELALUI LAMAN INSTAGRAM @hazwaniche

LEARNING TAJWID THROUGH @hazwaniche's INSTAGRAM PAGE

Nur Muazzah Binti Malik ¹
Izzati Binti Mohd Yaziz ²
Nur Syamimi Binti Azman ³
Syed Najihuddin bin Syed Hassan ⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: muazzah@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: izzatiyaziz@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: syamimiazman@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: syednajihuddin@.usim.my)

Article history

Received date : 7-8-2023
Revised date : 8-8-2023
Accepted date : 25-9-2023
Published date : 15-10-2023

To cite this document:

Malik, N. M., Mohd Yaziz, I., Azman, N. S., & Syed Hassan, S. N. (2023). Pembelajaran Ilmu Tajwid Melalui Laman Instagram @hazwaniche . *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 119 - 131.

Abstrak: *Dalam era yang semakin pesat dan canggih kini, masyarakat menggunakan teknologi sebagai media utama untuk mencari maklumat dan informasi terkini. Salah satu aplikasi media sosial yang memiliki ramai pengguna adalah Instagram. Instagram merupakan rangkaian sosial untuk berkongsi gambar dan video. Hal ini dapat memudahkan penyebaran maklumat sehingga banyak perkara yang menjadi topik utama disebabkan penyebaran di Instagram. Dengan kemudahan teknologi media sosial ini, penyebaran maklumat seperti ilmu agama juga tidak terkecuali untuk mengambil peluang dalam menyebarkan hal hal agama termasuk pembelajaran ilmu tajwid. Akaun Instagram @hazwaniche adalah akaun yang menggunakan media sosial Instagram sebagai medium penyebaran ilmu tajwid. Kajian ini bertujuan untuk melakukan penelitian terhadap akaun instagram @hazwaniche dalam menyampaikan ilmu tajwid dengan rumusan masalah: “bagaimana @hazwaniche menyampaikan pembelajaran ilmu tajwid menggunakan instagram? dan apa kandungan yang terdapat di dalam akaun @hazwaniche serta cabaran beliau dalam menjadi seorang pencipta kandungan. Jenis kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu melalui wawancara dan kajian kepustakaan serta lampiran kandungan dalam akaun @hazwaniche. Hasil kajian ini mendapati bahawa akaun @hazwaniche menggunakan sistem format video dan audio, gambar, kapsyen, simbol pagar atau dikenali sebagai hashtag, komen dan menggunakan cerita Instagram dalam memanfaatkan Instagram sebagai media untuk menyampaikan ilmu tajwid. Kesimpulannya Instagram dapat membantu menyebarkan ilmu agama seperti ilmu tajwid. Justeru diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat untuk mempelajari ilmu tajwid dengan lebih berkesan.*

Kata Kunci: *Instagram, pembelajaran Ilmu Tajwid, teknologi, @hazwaniche.*

Abstract: *In today's fast-paced and sophisticated era, people use technology as the main media to find the latest information. One of the social media applications that has many users is Instagram. Instagram is a social network for sharing photos and videos. This can facilitate the spread of information so that many things become the main topic due to the spread on Instagram. With the convenience of this social media technology, the dissemination of information such as religious knowledge is also no exception to take the opportunity to spread religious matters including the learning of tajwid. The Instagram account @hazwaniche is an account that uses social media Instagram as a medium for the spread of tajwid knowledge. This study aims to conduct a research on @hazwaniche's Instagram account in conveying knowledge of tajwid with the formulation of the problem: "how does @hazwaniche convey knowledge of tajwid using Instagram? and what content is in @hazwaniche's account as well as his challenges in being a content creator. The type of method used in this study is a qualitative method which is through interviews and literature review as well as content attachments in the @hazwaniche account. The results of this study found that the @hazwaniche account uses a video and audio format system, pictures, captions, fence symbols or known as hashtags, comments and uses Instagram stories in using Instagram as a medium to convey tajwid knowledge. In conclusion, Instagram can help spread religious knowledge such as tajwid knowledge. Therefore, it is hoped that this study can benefit the community to learn tajwid more effectively.*

Keywords: *Instagram, Tajwid learning, technology, @hazwaniche.*

Pengenalan

Media sosial adalah salah satu alat perantara telekomunikasi yang semakin hari semakin berkembang dengan pesat. Perkembangannya dalam teknologi sangat diperlukan dalam era ini dan ia telah menjadi satu keperluan kepada manusia untuk menggunakan media sosial untuk berhubung mahupun dalam aktiviti seharian mereka tidak kira pada lapisan umur termasuk juga dalam bidang ilmu pengetahuan dan lain-lain (Endah Kurniasih, 2022). Instagram merupakan salah satu media sosial yang paling ramai digunakan oleh manusia. Instagram adalah rangkaian sosial untuk berkongsi video dan gambar. Walaupun pada awalnya, sambutan penggunaan Instagram kurang mendapat sambutan pada awal penubuhan akan tetapi seiring dengan waktu dan kecanggihan teknologi menyebabkan Instagram menjadi penggunaan utama pada masa sekarang. Dengan adanya begitu penyampaian maklumat berbentuk ilmiah juga tidak terkecuali dalam menyebarkan ilmu di Instagram untuk berkongsi ilmu dengan masyarakat antaranya ilmu tajwid.

Menurut Ahmad Zaka Thayalisi dan Dr. H. Badarudin (2021), ilmu tajwid merupakan salah satu ilmu untuk memperelok dan mengetahui cara melafazkan huruf-huruf Al-Qur'an dengan terang, teratur dan tidak terburu-buru dalam pembacaan dan mengikut kaedah tajwid yang betul. Ia adalah ilmu yang berkaitan hukum-hukum tajwid, cara bacaan, kadar panjang dan pendek dalam bacaan dan lain-lain. Ini adalah penting supaya orang Islam dapat memperelokkan lagi bacaan mereka dalam membaca ayat-ayat Al-Qur'an. Berdasarkan kajian Muhammad Syukri Zahari, Amnah Saayah Ismail, Daud Salleh dan Muntaha Salleh (2020), hukum bagi orang Islam untuk mempelajarinya adalah fardu kifayah bagi muslimin dan muslimat akan tetapi mempraktikkannya di dalam bacaan Al-Qur'an adalah fardu ain. Ini bermakna walaupun hukum mempelajari tidak wajib, tetapi membacanya mesti dengan betul dan mengikut kaedah-

kaedah tajwid itu wajib. Oleh itu, kita perlu mempelajari ilmu tajwid supaya kita membaca Al-Qur'an dengan bacaan yang betul. Ia adalah ilmu yang berkaitan hukum-hukum tajwid, cara bacaan, kadar panjang dan pendek dalam bacaan dan lain-lain. Ini adalah penting supaya orang Islam dapat memperlakukan lagi bacaan mereka dalam membaca ayat-ayat Al-Qur'an.

Di samping itu, Instagram merupakan media pembelajaran yang efektif untuk pengguna dengan adanya fitur Instagram dibahagian laman utama dan kisah instagram. Hal ini kerana, kurangnya minat untuk mempelajari ilmu tajwid dalam kalangan masyarakat disebabkan sumber itu sendiri masih dalam bentuk buku teks biasa. Maka, penggunaan Instagram adalah satu tarikan untuk mereka mempelajari ilmu tajwid (Nur Nadhira, Fariza Khalid, Mohd Jasmy, 2017). Seperti akaun Instagram @hazwaniche beliau telah menggunakan Instagram sebagai penyebaran ilmu tajwid dan diterima baik oleh pengguna Instagram. Maka, pengkaji akan membuat penelitian terhadap akaun ini berdasarkan objektif kajian iaitu untuk mengetahui cara @hazwaniche menyampaikan ilmu tajwid di laman Instagramnya. Seterusnya, pengkaji akan mengenal pasti apa kandungan yang terdapat di dalam akaun tersebut. Akhir sekali, pengkaji juga akan meneliti cabaran yang dihadapi oleh @hazwaniche ketika menjadi pencipta kandungan dan maklum balas yang diperolehi daripada pengikut akaun Instagramnya.

Kajian Lepas

Dalam era kontemporari ini, media sosial seperti Instagram adalah teknologi yang banyak memudahkan tugas umat Islam. Ini kerana media sosial seperti Instagram secara amnya berfungsi sebagai platform untuk interaksi komuniti dan memainkan peranan dalam proses pendidikan (Nur Hidayu Nordin, Nur Syuhada Mohammad, dan Ahmad Marzuki Mohamad, 2019). Instagram, platform media sosial yang digunakan sebagai media pembelajaran belum banyak dimanfaatkan oleh orang ramai, namun pada platform Instagram ini sudah banyak ditemui akaun yang memberi kandungan video dari pelbagai bidang kajian.

Oleh itu penulis berharap pengguna dapat memanfaatkannya dengan melihat dan menyemak video yang diberikan oleh mana mana akaun kerana ia memiliki kandungan video yang menarik serta mempunyai unsur visual mahupun audio visual yang menjadi daya tarikan kepada orang ramai (Fuja Siti Fujiawati, Reza Mauldy Raharja, 2021).

Dengan menggunakan teknologi yang ada seperti Instagram, banyak pengkaji kandungan mengambil peluang untuk memanfaatkan media ini sebagai media pembelajaran secara online. Mereka akan memuat naik foto atau video pembelajaran yang menarik dan memudahkan pengguna Instagram untuk mempelajarinya dengan mudah. Dengan cara ini orang ramai tertarik untuk belajar dan memanfaatkan Instagram sebagai media utama dalam pembelajaran secara online (Annisa Zubaidah Arifah A., Nandira Tamariska Mega P., Riska Dwi Putri N., Yehezki Angelica R, 2021).

Kajian yang dilakukan Anuar bin Hasin, Norazman bin Alias, dan Zainora binti Daud (2020), menunjukkan remaja terutamanya memilih media sosial sebagai tempat untuk mengetahui lebih lanjut tentang sesuatu topik. Instagram, Facebook, WhatsApp, dan YouTube telah digunakan sebagai platform untuk menggalakkan golongan muda menghayati al-Quran. Ia juga merupakan cara yang sangat berkesan untuk menyebarkan ilmu al-Quran. Sejak tercetusnya wabak Covid-19, pembelajaran ilmu Tajwid sama ada secara amali atau praktikal di atas talian semakin berkembang.

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas yang telah dijalankan ini mengkaji media sosial sebagai medium pembelajaran. Dengan ini tujuan kajian ini ditulis untuk membuat penelitian bagaimana @hazwaniche menjadikan Instagram sebagai medium pembelajaran dan pengajaran ilmu Tajwid.

Metodologi Kajian

Kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu melalui wawancara dan kajian kepustakaan serta lampiran kandungan dalam akaun @hazwaniche. Dapatan kajian ini telah dilakukan secara wawancara pemilik akaun Instagram @hazwaniche khususnya untuk mengetahui serba sedikit tentang latar belakangnya. Kajian ini juga telah dikaji pada akaun @hazwaniche untuk mengetahui maklumat dan kandungan tentang ilmu tajwid serta kefahaman pengguna. Soal selidik adalah melalui wawancara iaitu melalui mesej kepada akaun @hazwaniche dan terdiri daripada beberapa soalan yang telah kami berikan dan hasil daripada penelitian kami berkaitan dengan objektif kajian.

Perbincangan dan Dapatan Kajian

Latar Belakang Pemilik Akaun @hazwaniche

Nama sebenar bagi pemilik akaun Instagram @hazwaniche adalah Norhazwani binti Che Raduan. Beliau lebih mudah disapa sebagai Ustazah Hazwani. Status beliau adalah sudah berkahwin dan mempunyai seorang cahaya mata. Latar belakang pendidikannya, beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Qur'an Sunnah di Kolej Islam Antarabangsa, Selangor (KUIS). Selain itu, beliau juga memiliki sanad Al-Qur'an bacaan hafs an asim riwayat Imam Hafs an Asim bersama Syeikh Hisham Ragih.

Selepas tamat pengajian, beliau meneruskan kerjaya beliau sehingga sekarang beliau telah menjadi seorang pengasas di salah satu pusat pengajian Quran iaitu My Quran Academy yang mana ia berkonsepkan kelas mengaji online. Pengalaman beliau dalam bidang ini sudah menjangkau 6 tahun. Sehingga sekarang kerjayanya adalah menjadi seorang tenaga pengajar sepenuh masa dan menjadi content creator di laman Instagramnya.

Asal usul bagaimana beliau boleh tercetusnya idea untuk melakukan isi kandungan tentang tajwid ini adalah disebabkan ilham yang Allah beri kepada beliau. Beliau melihat di story terdapat ruangan yang membolehkannya untuk melakukan kuiz maka itulah tercetusnya idea beliau pada awal berkarya. Disebabkan kerajinan beliau dalam melakukan kuiz, semakin lama ia telah mendapat sambutan dari hari ke hari dan ada juga beberapa artis Malaysia yang mengikuti beliau asbab daripada kuiz tajwid ini. Mereka juga turut berminat lebih dalam lagi dalam mempelajari ilmu tajwid.

Dalam wawancara beliau juga, beliau turut menyampaikan hasrat beliau iaitu ingin membuat buku tentang tajwid dan link kan terus kepada laman instagramnya supaya pengikutnya dan orang lain dapat melihat contoh-contoh bacaan yang betul. Pada akhir kalam beliau, beliau berharap akaun Instagram milik beliau menjadi asbab dan bekalan beliau di akhirat kelak kerana ilmu yang beliau sampaikan akan berpanjangan sampai bila-bila walaupun beliau tidak ada lagi di muka bumi ini.

Cara Penyampaian @hazwaniche Dalam Menyampaikan Ilmu

Tajwid Melalui Instagram

Menyampaikan ilmu adalah perkara yang wajib bagi setiap orang. Dalam menyampaikan ilmu, seorang penyampai ilmu itu mesti mempunyai daya tarikan yang membuatkan orang yang menerimanya itu tertarik dengan penyampaian serta memahami apa yang ingin disampaikan. Setiap daripada mereka pasti mempunyai beberapa teknik atau kaedah pengajaran yang menjadikan suatu pembelajaran itu berkesan sekaligus dapat mengelakkan daripada kebosanan.

Beberapa kaedah atau perancangan yang boleh dilakukan antaranya melalui audiovisual, maklum balas daripada pelajar dan memberikan beberapa contoh serta beberapa latihan ketika tamat sesi pembelajaran, (Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim, Mohd Faez Ilias, 2012).

Ianya sama seperti yang telah dilakukan oleh Puan Hazwani dalam memyampaikan ilmu tajwid kepada pengikutnya dan orang lain. Beberapa kaedah telah digunakan olehnya untuk menarik minat pengikutnya dalam mempelajari ilmu tajwid. Melalui penelitian kami di laman Instagram beliau iaitu @hazwaniche, terdapat beberapa kaedah yang beliau gunakan untuk menyampaikan ilmu tajwid iaitu video dan gambar serta kuiz tajwid di cerita instagram. Beliau telah memanfaatkan apa yang terdapat di dalam Instagram untuk menyampaikan ilmu kepada pengikutnya.

Melalui Media Video

Video merupakan salah satu teknologi yang mana ia menggabungkan antara audio dan gambar dalam bentuk digital dan mempunyai tempoh masa. Ini bermakna dengan gabungan antara keduanya ia akan menjadikan penyaluran maklumat akan lebih menarik serta ia merupakan elemen yang paling efektif dalam menyampaikan maklumat (Arul Nizar, 2022). Seperti Puan Hazwani ini juga beliau turut menyampaikan melalui kaedah penghantaran video di laman utama Instagram beliau.

Kebanyakan video yang beliau lakukan adalah berkaitan cara dan bagaimana untuk menyebut sesuatu perkataan dengan cara yang betul. Cara beliau menggunakannya adalah dengan merakam penjelasan dan memasukkan visual gambar untuk menerangkannya dan ia juga akan seiring dengan video penjelasan beliau. Hal ini adalah kerana, supaya penonton akan lebih mudah faham.

Seperti contoh, dalam salah satu video beliau yang bertarikh 14 Disember 2022, beliau menerangkan tentang cara untuk mematikan baris huruf yang terakhir. Dalam hal ini, Puan Hazwani telah melakukan satu video khas bagi menerangkannya dan memberitahu bahawa perlu memerhatikan huruf terakhir itu berbaris apa dan berhenti sahaja dan sekiranya huruf terakhir itu berbari tanwin atas maka perlu berhenti dengan kada dua harakat, beliau juga memberitahu bahawa jika huruf terakhirnya ta' marbutah kita perlu baca dengan ha'sakinah. Ketika beliau memberi penjelasan, beliau memasukkan juga visual gambar yang mana ia seiiring dengan penerangan beliau. Jika beliau hanya menggunakan video semata-mata sahaja, tahap kefahaman penonton mungkin akan sedikit kerana tidak dapat membayangkan bagaimana situasi itu berlaku.

Maka dengan apa yang dilakukan oleh pemilik Instagram @hazwaniche adalah betul kerana untuk menerangkan cara terutama ilmu tajwid melalui video adalah sangat berkesan bagi penonton yang melihat. Ia tidak cukup hanya dengan penulisan kerana tajwid perlukan dengan

video terutama tentang cara bacaan sesuatu hukum dan ayat kerana jika salah sebutannya ia akan menjejaskan bacaan ayat al-Qur'an sehingga ia boleh merubah makna ayat.

Melalui Hantaran Gambar

Selain daripada video, gambar atau foto juga adalah salah satu teknik yang boleh digunakan sebagai cara penyampaian. Gambar merupakan satu karya seni yang mana ia berfungsi untuk menerangkan ataupun menjelaskan sesuatu melalui gambar (Eko Ramdi Fauzi, 2019). Melalui teknik ini, ia dapat memahami kerana secara visual dan kita dapat memahami dengan cepat. Seperti yang dilakukan oleh Puan Hazwani, dimana di laman Instagram beliau di bahagian utama terdapat beberapa hantaran foto yang beliau gunakan gambar dan tulisan berkaitan dengan ilmu tajwid salah satunya adalah berkaitan perbezaan bacaan ayat dan cara membaca ayat Al-Qur'an serta hukum tajwid bagi ayat tersebut.

Dengan adanya seperti ini, ia dapat memudahkan pengikutnya untuk mengetahui hukum tajwid atau cara bacaan tersebut dengan betul. Hal ini kerana, aplikasi visual lebih dapat difahami oleh manusia berbanding dengan tulisan semata-mata. Selain itu, aplikasi Instagram juga di bahagian hantaran gambar, dapat menghantar beberapa gambar dalam satu hantaran tetapi mempunyai hadnya iaitu sebanyak sepuluh gambar sahaja yang boleh dimuatnaik dalam satu masa.

Maka, Puan Hazwani telah memanfaatkan kelebihan itu dengan menghantar gambar bagi ayat Al-Qur'an yang terdiri daripada soalan dan menerangkannya pada hantaran kedua dan seterusnya. Sebagai contoh, di Instagram beliau, salah satu hantaran beliau iaitu pada 11 April 2022 yang berkaitan adalah perbezaan antara tanda bulat di atas huruf alif pada beberapa ayat Al-Qur'an. Pada hantaran pertama, beliau meletakkan persoalan yang dibangkit daripada hukum tajwid, hantaran kedua adalah beliau nyatakan ayat tersebut berada di surah mana dan ayat keberapa supaya mereka dapat menyemak, hantaran yang ketiga sehingga ketujuh beliau meletakkan gambar tentang cara untuk mengetahui perbezaan antara keduanya supaya pengikutnya dapat mengenalpasti dan yang terakhir beliau melakukan audio suara untuk cara bacaan ayat tersebut agar lebih faham.

Kebanyakan hantaran yang beliau lakukan adalah seperti itu, iaitu pada awal hantaran, beliau akan meletakkan persoalan dan diakhirnya beliau akan melakukan audio tanpa muka untuk menunjukkan cara bacaan dengan betul. Dengan apa yang beliau lakukan, ia dapat memudahkan orang yang melihat hantaran beliau supaya memahami dengan lebih mendalam dan dapat memperbaiki bacaan serta dapat menjadi rujukan kepada orang lain.

Melalui Cerita Instagram (Feature Story)

Cerita Instagram atau "Feature story" yang terdapat di Instagram adalah sebuah fitur baharu yang mana pengguna boleh mengirim atau menghantar foto atau video yang berdurasi pendek dan ia akan hilang setelah 24 jam. Ia adalah bersifat sementara dan tidak akan kekal lama. Di cerita Instagram juga kita boleh melakukan kuiz kerana terdapat fitur tersebut. Cerita akan muncul pada atas bahagian atas laman utama Instagram masing-masing dan ia dapat dilihat oleh pengikut sehingga ke akaun yang kita ikutinya jika laman Instagram pengguna tidak berada di mod privasi. Maka, jika kita mahu melihat cerita Instagram seseorang, hanya mengklik pada foto profil yang berada di atas laman utama Instagram dan cerita mereka akan dipaparkan.

Puan Hazwani juga telah menggunakan cerita instagram sebagai medium pengajarannya untuk menyampaikan ilmu tajwid. Tetapi, pada fitur cerita instagram ini, beliau mengkhususkan untuk melakukan kuiz tajwid sahaja selepas beliau menerangkan di hantaran dan video beliau.

Beliau menggunakan fitur kuiz dan berlatarbelakang gambar yang sesuai untuk melaksanakan kuiz tajwid tersebut. Hal ini adalah satu perkara yang bagus kerana ini adalah salah satu cara untuk menambahkan kefahaman serta dapat mengaplikasinya di dalam Al-Qur'an. Ketika menjawab kuiz ini di cerita instagram, ia melatih juga untuk berfikir dahulu sebelum menjawab dan itu adalah salah satu bentuk kefahaman yang sangat berkesan kepada diri sendiri dan pengguna.

Selain itu, di cerita Instagramnya juga, beliau membuka soalan untuk pengikutnya bertanya tentang apakah hukum tajwid yang tidak difahami lagi dan mengelirukan. Setelah itu, beliau turut membalasnya melalui cerita Instagram. Ia adalah satu usaha yang sangat bagus untuk mengajak orang ramai mempelajari ilmu tajwid dan ia tidak akan bosan ketika menjawabnya bahkan ingin lebih tahu dengan mendalam.

Kesimpulannya, tiga kaedah yang digunakan oleh pemilik akaun @hazwaniche dalam menyampaikan ilmu tajwid adalah kaedah yang berbeza dan pelbagai. Ini dapat membantu pengikutnya dan orang ramai untuk mempelajari ilmu tajwid dengan gembira kerana terdapat pelbagai kaedah yang digunakan dan tidak tertumpu pada satu kaedah. Ia juga adalah salah satu cara untuk menarik perhatian orang ramai dalam mempelajari ilmu tajwid dan menjadikan ilmu tajwid ini perkara yang tidak membosankan ketika belajar.

Kandungan Yang Terdapat Dalam Akaun @hazwaniche

Pencipta kandungan atau Content creator adalah seseorang yang bertanggungjawab menyumbang maklumat ke media terutama pada media digital. Kebiasaannya mereka akan mensasarkan pengguna tertentu dalam konteks tertentu (Charles Yanses, 2020). Pencipta kandungan telah menjadi salah satu kerjaya yang paling dicari sejak pandemik 2019, terutamanya dalam kalangan milenium dan generasi Z (Shirley Candrawardhani, 2022). Tugas utama Pencipta kandungan ini adalah membuat kandungan yang dapat menarik minat pengguna. Instagram merupakan salah satu media yang menjadi tempat Pencipta kandungan atau "*content creator*" mencipta kandungan. Pencipta kandungan Instagram ialah orang yang menghasilkan bahan untuk Instagram yang disesuaikan dengan topik tertentu. Hal ini kerana Instagram membenarkan pengguna memuat naik gambar yang boleh disunting dengan penapis foto dan berkongsinya di pelbagai laman web rangkaian sosial, termasuk yang sebelum ini, seperti Facebook atau Twitter (Frommer, 2010). Pengguna boleh melihat kandungan yang dibuat oleh pengguna lain, hasil carian berdasarkan tag dan lokasi, dan topik arah aliran. Pengguna boleh menambah bahan pada senarai mereka dengan mengikuti pengguna lain dan menyukai imej.


Akaun @hazwaniche merupakan salah seorang pencipta kandungan Instagram yang menggunakan Instagramnya untuk menyampaikan maklumat. Akaun ini mempunyai seratus satu ribu pengikut dan 186 posting. Kandungan di akaun Instagramnya memfokuskan pembelajaran ilmu tajwid. Ilmu tajwid merupakan ilmu yang sangat penting dan perlu dipelajari oleh setiap muslim. Ilmu ini lazimnya diperoleh melalui kaedah talaqqi dan musyafahah, di mana pelajar belajar dan menerima bacaan secara langsung daripada guru secara peribadi. Dalam sistem pendidikan Malaysia, media sosial amat penting. Komuniti marcapada ini lebih gemar menimba ilmu secara dalam talian berbanding bersemuka (Noor Athirah Moktar, Areen Sherryrna Abdul Halim, Kamarul Azmi Jasmi, 2019). Pelbagai topik tajwid yang dapat dipelajari oleh pengguna Instagram melalui akaunnya. Di dalam akaun Instagram ini juga terdapat slogan "1Day1Tajwid" yang bermaksud sehari satu pengkongsian ilmu tajwid. Pada

setiap hari Puan Hazwani iaitu admin akaun @hazwaniche akan berkongsi satu topik pembelajaran ilmu tajwid. Antara topik tajwid yang disampaikan dalam akaun ini ialah:

Iltiqa' Sakinain

Pada tarikh 25 Januari 2022, Ustazah Hazwani atau pemilik akaun @hazwaniche memuat naik video membincangkan topik mengenai Iltiqa' sakinatain. Iltiqa' sakinain ialah pertemuan dua huruf sukun (التقاء الساكنين) atau huruf yang mati, ia berlaku apabila dua perkataan yang hendak diwasalkan bacaannya tertegah kerana adanya dua huruf yang sukun. Dua sukun ini pula dihalang oleh hamzah wasal ditengah-tengahnya. Apabila tanwin (baris dua) bertemu dengan Alif Lam (ال) atau Hamzah Wasal (ا), hendaklah dipisahkan bunyi nun dari tanwin tersebut dengan membuang satu baris dari tanwin tersebut dan dikasrahkan nun tersebut.

Sebagai contoh pada ayat خَيْرًا الْوَصِيَّةُ .



Huruf lin dan Mad lin

Pada Tarikh 22 Mac 2022, akaun @hazwaniche berkongsi video pembelajaran ilmu tajwid yang menjelaskan perbezaan antara Huruf lin dan Mad lin. Huruf Lin ialah huruf و atau ي yang berbaris mati sebelum hurufnya berbaris atas َ yang berlaku dipertengahan ayat dan cara bacaannya dibaca dengan lembut. Contohnya, pada ayat لَنَنْظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ . Manakala mad lin pulak berlaku dihujung atau diakhir ayat dan cara bacaan di baca 2,4 atau 6 harakat. Contoh

ayat ialah لِإِيلَافِ قُرَيْشٍ .



Izhar Halqi

Pada Tarikh 20 April 2022, akaun @hazwaniche berkongsi video yang membincangkan hukum tajwid Izhar halqi. Izhar halqi ialah nun mati atau tanwin bertemu dengan 6 huruf iaitu ع، ه، و، ي، خ، ح، غ. Bacaan mesti dibaca dengan jelas.




Izhar Mutlak

Pada 19 Oktober 2022, memuat naik video pembelajaran ilmu tajwid berkaitan Izhar mutlak. Izhar Mutlak ialah pertemuan nun mati bertemu dengan huruf-huruf idgham dalam satu perkataan, maka nun sakinah tersebut hendaklah dizahirkan sebutannya.



Mad silah qasirah

Pada 19 November 2022, akaun @hazwaniche menghantar video yang membincangkan topik Mad silah Qasirah kerana mendapat soalan melalui mesej terus atau “direct message” dari pengikutnya bertanya tentang bagaimana cara membaca kalimah, لَا تَأْخُذْهُ. Maka Puan Hazwani telah menjelaskan cara bacaan kalimah melalui hantaran video tersebut. Cara bacaan kalimah itu ialah apabila ketika menyambung ayat ia perlu dibaca dua harakat manakala ketika berhenti perlu mematkan huruf Ha’ dhomir itu.



Selain topik pembelajaran yang disebutkan diatas terdapat juga topik pembelajaran ilmu tajwid seperti lafz Al-jalalah, bacaan ibdal, cara membaca dan membezakan bunyi huruf, tanwin, perbezaan antara alif, wau, dan ya’ zaidah. Selain itu, perkongsian berkaitan agama juga terkandung di dalam akaun @hazwaniche seperti kata- kata motivasi, doa, hadith, dan sebagainya. Di dalam akaun ini juga terdapat beberapa gambar peribadi pemilik akaun.

Kesimpulannya, maklumat yang terkandung di dalam akaun @hazwaniche ini memfokuskan pembelajaran ilmu tajwid disamping mempunyai perkongsian ilmu berkaitan doa, hadith, dan

kata-kata motivasi serta terdapat juga beberapa gambar peribadi. Dengan adanya kandungan seperti ini, ia dapat memberi manfaat kepada pengguna serta dapat menambahkan ilmu pengetahuan.

Cabaran @hazwaniche Ketika Menjadi Pencipta Kandungan

Berdasarkan hasil temubual yang dijalankan, didapati bahawa terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh Puan Hazwani dalam melaksanakan pembelajaran ilmu tajwid pada laman Instagram miliknya. Antara cabaran yang dihadapinya adalah seperti berikut:

Tidak Dapat Memberikan Pendedahan Tentang Ilmu Tajwid Secara Umum

Cabaran utama yang dihadapi oleh Puan Hazwani ialah beliau tidak dapat memberikan pendedahan tentang ilmu tajwid secara umum di media sosial kerana terdapat perbezaan pendapat riwayat al-Quran yang digunakan oleh negara lain. Contohnya seperti di negara Indonesia, mereka menganggap bahawa huruf alif adalah huruf hijaiyyah yang boleh menerima sebagai tanda bacaan. Sementara di negara Malaysia yang menggunakan mushaf al-Quran melalui riwayat Imam Hafs, bahawa penggunaan huruf alif tidak boleh diterima sebagai tanda bacaan. Selain itu, al-Quran di negara Indonesia juga, didapati bahawa huruf alif mempunyai baris atas tetapi tidak terdapat pada al-Quran di Malaysia. Hal ini menjadikan beliau sukar untuk menyampaikan ilmu tajwid dengan menggunakan mushaf al-Quran dari Malaysia secara sepenuhnya kerana terdapat negara lain seperti Indonesia yang turut mengikuti akaun Instagram @hazwaniche secara tetap dan menjadikan akaun Instagramnya sebagai tempat rujukan untuk mereka mempelajari ilmu tajwid.

Pelajar Sering Bertanya Soalan yang Berulang

Cabaran seterusnya yang dapat dikenal pasti ialah di mana pelajar sering bertanyakan soalan yang berulang kali kepada Puan Hazwani sedangkan jawapan telah pun disediakan pada laman Instagram beliau. Akaun Instagram @hazwaniche pada sebelum ini pernah membuat hantaran berkaitan kuiz hukum tajwid. Kemudian beliau akan menjawab setiap persoalan yang ditanya oleh pengikut Instagramnya. Antara salah satu sebab pelajar sering bertanyakan soalan yang sama adalah disebabkan pelajar tersebut kemungkinan baru sahaja mengikuti akaun Instagram @hazwaniche atau terlepas pandang atau terlupa terhadap hantaran yang pernah dimuat naik oleh Puan Hazwani sebelum ini. Oleh sebab itu, beliau perlu mengingatkan mereka semula dengan mengulangi jawapan yang sama terhadap soalan-soalan tentang hukum tajwid disamping menjaga hubungan baik dengan pengikut Instagramnya.

Maklum Balas Daripada Pengikut Akaun Instagram @hazwaniche

Bil.	Akaun Instagram	Isi Komen
1	dewi_ffatimah	Alhamdulillah saya mendapatkan ilmu bermanfaat kerana saya belum terlalu tahu.
2	haziatulshema	Alhamdulillah, terima kasih atas perkongsian ilmu, sudah ada audio, lebih mudah faham.
3	surich_2769	Alhamdulillah yang ini saya baca betul, debar juga ya.
4	fazliana.noor	Terima kasih atas perkongsian. Banyak saya dapat belajar. Alhamdulillah.
5	icozwatanabe	Banyak ilmu saya dapat dari Ustazah, terima kasih.
6	abuubaidahrj	Terima kasih sangat bermanfaat amin, moga diteruskan.

7	Renren_army	Syukur jumpa akaun ini, sangat membantu.
8	ahmdnzree	Sangat bermanfaat, teruskan kak, ramai perlukan ini, termasuk saya, sangat bermanfaat.
9	hanizanm	Alhamdulillah terima kasih ustazah. Semoga terus menambah ilmu tajwid saya.
10	dieqnur	Alhamdulillah bertambah lagi ilmu.

Sumber: Akaun Instagram @hazwaniche

Menerusi hasil tinjauan dari ruangan komen di atas, mendapati bahawa kebanyakan pengikut Instagram beliau, memberi maklum balas yang positif, sokongan serta penghargaan yang menggalakkan terhadap video dan gambar yang dimuat naik oleh Puan Hazwani di laman Instagramnya. Antara maklum balas yang terdapat pada ruangan komen tersebut ialah dimana salah seorang daripada pengguna akaun Instagram bernama dewi_ffatimah menyatakan bahawa ilmu tajwid yang dilakukan oleh Puan Hazwani memberinya ilmu manfaat kerana masih terdapat beberapa hukum tajwid yang masih belum diketahui lagi. Melalui penerangan dan pengajaran Puan Hazwani di dalam video yang dimuat naik pada laman Instagram, dapat membantunya untuk mempelajari ilmu tajwid dengan lebih mendalam.

Selain itu, pengguna akaun Instagram lain seperti surich_2769 menyatakan bahawa penjelasan oleh Puan Hazwani melalui video dilaman Instagram beliau dapat membantunya membaca al-Quran dengan cara bacaan yang betul. Ini kerana, Puan Hazwani menerangkan satu – persatu dari aspek hukum tajwid serta cara bacaannya berdasarkan petikan ayat al-Quran. Hasil daripada perkongsian tersebut, ia dapat mempertingkatkan lagi bacaan al- Qur'an dari segi sebutan makhraj huruf dengan lebih jelas dan tepat. Akhir sekali, majoriti pengguna Instagram lain merakamkan ucapan terima kasih kepada Puan Hazwani atas usaha beliau berkongsi ilmu tajwid di platform tersebut dan mendoakan agar beliau dapat meneruskan lagi melakukan kuiz tajwid pada masa akan datang

Secara kesimpulannya, perkongsian ini dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan terhadap pengguna Instagram tentang ilmu tajwid dengan lebih mendalam. Oleh itu, dengan kewujudan platform ini, dapat membantu orang ramai untuk menimba ilmu tajwid disamping meningkatkan kesedaran tentang kepentingannya dalam meningkatkan bacaan al-Quran.

Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil daripada penelitian pengkaji mengenai teknologi dan Instagram @hazwaniche, dapat disimpulkan bahawa teknologi yang dapat digunakan pada hari ini sangat membantu dalam menyampaikan ilmu kepada orang lain yang mana ianya selari dengan perkembangan manusia yang semakin hari semakin canggih penggunaan teknologi sehingga terdapat beberapa aplikasi yang membantu dalam kehidupan seharian manusia. Tetapi perlulah dimanfaatkan penggunaannya dengan menggunakan sebaik mungkin. Seperti akaun Instagram @hazwaniche yang telah berkongsi ilmu beliau tentang ilmu tajwid di laman Instagramnya. Ini bermakna tiada alasan untuk tidak menuntut ilmu kerana tidak sempat dan sebagainya kerana teknologi pada masa kini terlalu canggih sehingga ia dapat dilakukan mengikut masa yang boleh dipilih oleh pengguna untuk mempelajarinya. Ini adalah salah satu inisiatif beliau untuk membantu terutama golongan yang bekerja dan tidak sempat untuk mengikuti kelas mengaji secara fizikal disebabkan tuntutan kerja dan sebagainya supaya dapat juga mempelajari ilmu tajwid dengan melihat video-video penerangannya dan mengikuti kuiz tajwid. Akhir sekali, manfaatkanlah teknologi yang telah kita kecapai yang semakin hari semakin canggih

penggunaannya dengan berbagai aplikasi dengan memberi manfaat kepada orang lain dan tidak menyalahgunakannya serta perlu diingatkan untuk sentiasa berhati-hati ketika penggunaannya.

Rujukan

- Ahmad Zaka Thayalisi, Dr. H. Badarudin. (2021). *Tajwid Berbasis Kode QR*.
- Annisa Zubaidah Arifah A., Nandira Tamariska Mega P., Riska Dwi Putri N., Yehezki Angelica R. (2021). PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL INSTAGRAM DALAM PEMBELAJARAN BAHASA, SASTRA DAN BUDAYA PADA ERA DIGITAL. *SELASAR 5 SEMINAR NASIONAL PEMBELAJARAN BAHASA DAN SASTRA 5, 12 Juni 2021, Fakultas Sastra Universitas Negeri Malang*.
- Anuar bin Hasin, Norazman bin Alias, Zainora binti Daud. (2020). PEMBELAJARAN ILMU TAJWID SECARA DALAM TALIAN DI ERA COVID-19: SATU TINJAUAN MENURUT PERSPREKTIF AS-SUNNAH. *Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020, FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, Paper No. BM021*.
- Candrawardhani, S. (2022). *Apa Itu Content Creator? Ini Prospek Gaji, Skill, & 6 Cara Memulai Karirnya*. Retrieved from Kitalulus: <https://www.kitalulus.com/seputarkerja/apa-itu-content-creator>
- Frommer. (2010, November 1). *"Here's How to Use Instagram"*. Retrieved from Business Insider: <https://www.businessinsider.com/instagram-2010-11>
- Fuja Siti Fujiawati, Reza Mauldy Raharja. (2021). PEMANFAATAN MEDIA SOSIAL (INSTAGRAM) SEBAGAI MEDIA PENYAJIAN KREASI SENI DALAM PEMBELAJARAN. *JPKS (Jurnal Pendidikan dan Kajian Seni) Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Univertas Sultan Ageng Tirtayasa*.
- Kamarul Azmi Jasmi, N. I. (2012, January 1). *Gaya Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Retrieved from researchgate.net Web site: https://www.researchgate.net/publication/293097722_Gaya_Pengajaran_Guru_dalam_Pengajaran_dan_Pembelajaran_Pendidikan_Islam
- Kurniasih, E. (2022, Jun 2). *Pemanfaatan Media Sosial Instagram dalam Pembelajaran Jarak Jauh*. Retrieved from Redaksi- Artikel Guru Web site: <https://joglojateng.com/2022/06/02/pemanfaatan-media-sosial-instagram-dalampembelajaran-jarak-jauh/>
- Muhammad Syukri Zahari, Amnah Saayah Ismail, Daud Salleh dan Muntaha Salleh. (2022). KEPENTINGAN TAJWID DAN KESANNYA TERHADAP BACAAN ALQURAN. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5*.
- Nizar, A. (2022). *Apa Itu Video*. Kuala Lumpur: Scribd Works Press.
- Nordin, N. H., Mohammad, N. S., & Mohamad, A. M. (2019). Media Sosial dan Instagram Menurut Islam. in *Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19). Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, 277-296*.
- Nur Nadhira Ahmad Rashidi, F. K. (2017, 1 1). *Penggunaan Instagram Sebagai Platform Promosi Pendidikan*. Retrieved from Penggunaan Instagram Sebagai Platform Promosi Pendidikan Web site: <https://seminarserantau2017.files.wordpress.com/2017/09/78nur-nadhira-ahmad-rashidi.pdf>
- Ramdzi Eko, F. (2019). *Pengertian Menggambar*. Kuala Lumpur: Pustekkom Kemdikbud Works Press.
- Yanses, C. (2022). *Apa itu Content Creator? Apa yang Dilakukannya*. Retrieved from TANYADIGITAL: <https://tanyadigital.com/apa-itu-content-creator-apa-yangdilakukannya/>